

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH) SAINS TAHUN 4 (KSSR)

MINGGU								
TARIKH				HARI				
SUBJEK	Sains			MASA				
KELAS	Tahun 4			KEHADIRAN				
UNIT	9.0	Sistem Suria		TEMA	Bumi dan Sains Angkasa			
S/KANDUNGAN	9.1	Sistem Suria						
S/PEMBELAJARAN	9.11	Memerihalkan ahli dalam Sistem Suria iaitu Matahari, planet, satelit semua jadi, asteroid, meteoroid, komet menerusi pemerhatian menerusi pelbagai media.						
	9.12	Membuat urutan planet dalam Sistem Suria dengan menjalankan aktiviti.						
TAJUK	Ahli Sistem Suria, Urutan Planet dalam Sistem Suria (BT ms 147-153)							
OBJEKTIF P&P (KRITERIA KEJAYAAN)	Pada akhir P&P, murid-murid akan dapat: (i) Menyatakan ahli dalam Sistem Suria. (TP 1) (ii) Memerihalkan ahli dalam Sistem Suria. (TP 2) (iii) Menyusun mengikut urutan planet dalam Sistem Suria. (TP 3)							
KPS	/	Memerhati	/	Mengelas	/	Menggunakan no.	/	Membuat inferens
	/	Meramal	/	Berkomunikasi	/	Ruang dan masa		Mentafsir data
		Mendefinisi		Mengawal P/Ubah		Buat hipotesis		Mengeksperimen
KMS	/	Tidak berkenaan				Membersihkan peralatan Sains		
		Menggunakan peralatan dan bahan Sains				Mengendalikan spesimen		
		Menyimpan peralatan dan bahan Sains				Melakar spesimen, peralatan & bahan Sains		
AKTIVITI P&P	1. Murid memerhati poster Sistem Suria dan menyatakan apakah yang dapat diperhatikan oleh mereka. Murid mencuba berfikir ada apa dalam Sistem Suria kita. Murid mengetahui tajuk dan objektif P&P. 2. Murid mencuba menyatakan ahli-ahli dalam Sistem Suria. Murid mencuba menyenaraikan apakah nama planet yang sudah diketahui oleh mereka. 3. Berdasarkan buku teks dan kad gambar, murid mengetahui bahawa terdapat enam ahli dalam Sistem Suria kita: Matahari, planet, satelit semua jadi, asteroid, meteoroid, dan komet. Murid mengetahui dan memahami maksud setiap ahli Sistem Suria itu. Murid membuat catatan pada buku nota dalam peta buih. 4. Murid mengetahui 8 planet dalam Sistem Suria mengikut susunan: <u>Utahid</u> , <u>Zuhrah</u> , <u>Bumi Marikh Musytari</u> , <u>Zuhal</u> , <u>Uranus</u> , dan <u>Neptun</u> . Murid mempelajari ciri-ciri penting bagi setiap planet tersebut. Murid membuat catatan pada buku nota dalam peta alir. 5. Murid mempelajari bagaimana untuk menghafal susunan planet dengan menggunakan kaedah memonik: <u>Ultraman Zorro Bersatu Menentang Musuhnya</u> , <u>Zuhal Untuk Negara</u> (<u>Utahid</u>) (<u>Zuhrah</u>) (<u>Bumi</u>) (<u>Marikh</u>) (<u>Musytari</u>) (<u>Zuhal</u>) (<u>Uranus</u>) (<u>Neptun</u>) 6. Murid menjalankan aktiviti menyusun planet di papan tulis. 7. Murid mendapatkan lirik lagu dan memerhatikan lirik lagunya. Murid menyanyikan lagu Sistem Suria berdasarkan irama muzik "kalau rasa gembira tepuk tangan". 8. Murid mendapatkan buku DSKP dan menyiapkan latihan mengenai Sistem Suria. 9. Murid menghantar buku nota dan buku DSKP apabila siap dibuat untuk disemak dan diperiksa. 10. Murid membuat refleksi sendiri dan mengetahui tajuk pembelajaran pada P&P yang akan datang.							
BBM	/	Buku Teks	/	Buku DSKP	/	Buku Nota	/	Lembaran Aktiviti
	/	Kad Gambar		Kad Perkataan	/	Kad Trafik		Laptop/Projektor
	/	Poster Sistem Suria, Lirik Lagu						
NILAI MURNI	/	Minat	/	Berani mencuba	/	Berkerjasama	/	Berfikir rasional
	/	Bertanggungjawab		Jujur dan tepat		Sistematik	/	Ikut langkah
GABUNG JALIN ILMU	/	Bahasa		Moral/Islam	/	Muzik		PJ/PK
		Matematik		Sejarah	/	Seni Visual		TMK/RBT
EMK	/	Kreativiti & Inovasi		Keusahawanan		TMK		KBAT
		Sains & Teknologi	/	Bahasa		U. Alam Sekitar		Sivik & Patriotisme
PETA I-THINK		Bulatan	/	Buih		Buih Berganda		Titi
		Pokok		Dakap	/	Alir		Pelbagai Alir
PENILAIAN & PENTAKSIRAN		Lembaran kerja	/	Hasil kerja		Pemerhatian		Pembentangan
		Kuiz		Tugasan Projek		Lisan	/	Nyanyian
REFLEKSI	___ / ___ orang murid dapat menguasai objektif pembelajaran. ___ orang murid tidak dapat menguasai objektif pembelajaran dan telah diberi bimbingan susulan dan pemulihan pada _____. Aktiviti P&P dibawa ke _____.							

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH) SAINS TAHUN 4 (KSSR)

MINGGU								
TARIKH				HARI				
SUBJEK	Sains			MASA				
KELAS	Tahun 4			KEHADIRAN				
UNIT	9.0	Sistem Suria			TEMA			
S/KANDUNGAN	9.1	Sistem Suria						
S/PEMBELAJARAN	9.13	Menyatakan bahawa planet berputar pada paksinya dan pada masa yang sama beredar mengelilingi Matahari mengikut orbitnya melalui pemerhatian menerusi pelbagai media.						
	9.14	Menjelaskan pemerhatian melalui lakaran, TMK, penulisan dan lisan.						
TAJUK	Planetku Sayang, Putaran dan Peredaran Planet (BT ms 154-156)							
OBJEKTIF P&P (KRITERIA KEJAYAAN)	Pada akhir P&P, murid-murid akan dapat: <ol style="list-style-type: none"> (i) Mengitlak bahawa planet berputar pada paksinya dan pada masa yang sama beredar mengelilingi Matahari. (TP 4) (ii) Merumuskan planet dalam Sistem Suria berputar pada paksinya dan beredar mengelilingi Matahari mengikut orbit masing-masing dengan simulasi. (TP 5) (iii) Membina model Sistem Suria dalam bentuk maujud / TMK secara kreatif dan inovatif. (TP 6) 							
KPS	/	Memerhati		Mengelas		Menggunakan no.	/	Membuat inferens
	/	Meramal	/	Berkomunikasi	/	Ruang dan masa	/	Mentafsir data
		Mendefinisi		Mengawal P/Ubah		Buat hipotesis		Mengekspirimen
KMS		Tidak berkenaan			Membersihkan peralatan Sains			
		Menggunakan peralatan dan bahan Sains		/	Mengendalikan spesimen			
		Menyimpan peralatan dan bahan Sains			Melakar spesimen, peralatan & bahan Sains			
AKTIVITI P&P	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid menyanyikan lagu Sistem Suria dan menjawab soalan berdasarkan lirik lagu tersebut. Murid mengetahui tajuk dan objektif P&P. 2. Murid mengimbas kembali ahli-ahli dalam Sistem Suria dan menyatakan urutan susunan planet dalam Sistem Suria. Murid berfikir mengapa mereka tidak berlanggar antara satu sama lain. 3. Berdasarkan buku teks ms 155-156, murid mengetahui bahawa planet berputar pada paksinya dan pada masa yang sama beredar mengelilingi Matahari. Murid membuat catatan pada buku nota dalam bentuk peta pemikiran buih. 4. Murid menjalankan aktiviti "Berputar sambil Beredar" berdasarkan BT ms 156. Daripada aktiviti, murid merumuskan bahawa planet dalam Sistem Suria berputar pada paksinya dan beredar mengelilingi Matahari mengikut orbit masing-masing. 5. Murid berkumpul di hadapan kelas dan melihat pelbagai model Sistem Suria. Murid dibimbing dan mengetahui bagaimana untuk menghasilkan model Sistem Suria dalam bentuk maujud berpandukan buku teks ms 154 "Planetku Sayang". Murid menyanyikan lagu Sistem Suria sekali lagi. 6. Murid mendapatkan buku DSKP dan menyiapkan latihan mengenai Sistem Suria. 7. Murid menghantar buku nota dan buku DSKP apabila siap dibuat untuk disemak dan diperiksa. 8. Murid membuat refleksi sendiri P&P dan mengetahui tajuk pembelajaran pada P&P yang akan datang. 							
BBM	/	Buku Teks	/	Buku DSKP	/	Buku Nota	/	Lembaran Aktiviti
	/	Kad Gambar	/	Kad Perkataan	/	Kad Trafik		Laptop/Projektor
	/	Poster Sistem Suria, Lirik Lagu, model-model Sistem Suria						
NILAI MURNI	/	Minat		Berani mencuba		Berkerjasama	/	Berfikir rasional
	/	Bertanggungjawab	/	Jujur dan tepat	/	Sistematik	/	Ikut langkah
GABUNG JALIN ILMU	/	Bahasa		Moral/Islam		Muzik		PJ/PK
		Matematik		Sejarah	/	Seni Visual	/	TMK/RBT
EMK	/	Kreativiti & Inovasi		Keusahawanan		TMK		KBAT
		Sains & Teknologi	/	Bahasa		U. Alam Sekitar		Sivik & Patriotisme
PETA I-THINK		Bulatan	/	Buih		Buih Berganda		Titi
		Pokok		Dakap		Alir		Pelbagai Alir
PENILAIAN & PENTAKSIRAN		Lembaran kerja	/	Hasil kerja		Pemerhatian		Pembentangan
		Kuiz	/	Simulasi		Lisan	/	Nyanyian
REFLEKSI	___ / ___ orang murid dapat menguasai objektif pembelajaran. ___ orang murid tidak dapat menguasai objektif pembelajaran dan telah diberi bimbingan susulan dan pemuliharaan pada _____ Aktiviti P&P dibawa ke _____							

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH) SAINS TAHUN 4 (KSSR)

MINGGU								
TARIKH				HARI				
SUBJEK	Sains				MASA			
KELAS	Tahun 4				KEHADIRAN			
UNIT	9.0 Sistem Suria				TEMA Bumi dan Sains Angkasa			
S/KANDUNGAN	9.2 Saiz dan jarak relatif antara Bumi, Bulan dan Matahari.							
S/PEMBELAJARAN	9.2.1 Menganggar saiz relatif Bumi berbanding dengan Matahari. 9.2.2 Menganggar saiz relatif Bulan berbanding dengan Matahari. 9.2.3 Menganggar saiz relatif Bulan berbanding dengan Bumi.							
TAJUK	Saiz Relatif (BT ms 157-158)							
OBJEKTIF P&P (KRITERIA KEJAYAAN)	Pada akhir P&P, murid-murid akan dapat: (i) Menyatakan anggaran saiz Bumi, Matahari dan Bulan dengan betul. (TP 1) (ii) Menerangkan anggaran saiz antara Bumi, Bulan dan Matahari. (TP 2) (iii) Menganggar saiz Bumi, Bulan dan Matahari dengan simulasi. (TP 3)							
KPS	/	Memerhati	/	Mengelas	/	Menggunakan no.	/	Membuat inferens
	/	Meramal	/	Berkomunikasi	/	Ruang dan masa	/	Mentafsir data
		Mendefinisi		Mengawal P/Ubah		Buat hipotesis		Mengeksperimen
KMS		Tidak berkenaan		Membersihkan peralatan Sains		Mengendalikan spesimen		Melakar spesimen, peralatan & bahan Sains
	/	Menggunakan peralatan dan bahan Sains		Mengendalikan spesimen		Melakar spesimen, peralatan & bahan Sains		
		Menyimpan peralatan dan bahan Sains	/	Melakar spesimen, peralatan & bahan Sains				
AKTIVITI P&P	<ol style="list-style-type: none"> Murid memerhati poster Sistem Suria dan mengenal pasti kedudukan Matahari, Bumi dan Bulan. Murid diminta melihat dan meneka saiz Matahari, Bumi dan Bulan pada poster tersebut. Murid mengetahui tajuk dan objektif P&P. Murid mengimbas kembali dan mengingat semula bahawa planet dalam Sistem Suria berputar pada paksinya dan beredar mengelilingi Matahari mengikut orbit masing-masing. Berpandukan buku teks, murid mengetahui bahawa Matahari, Bumi dan Bulan dapat diwakili dengan menggunakan biji sagu, guli dan bola sepak @ biji guli, bola pingpong dan bola keranjang. Murid seterusnya mempelajari saiz relatif Bulan kepada Bumi ialah 1: 4, Bulan kepada Matahari ialah 1: 100, dan Bulan, Bumi dan Matahari ialah 1: 4: 400. Murid membuat catatan pada buku nota dalam peta pemikiran bulatan. Murid membuat simulasi model mengenai saiz relatif Bulan, Bumi dan Matahari berpandukan BT ms 158. Murid membandingkan ketiga-tiga model Bulan, Bumi dan Matahari. Murid mendapatkan buku DSKP dan menyiapkan latihan mengenai saiz relatif Bulan, Bumi dan Matahari. Murid menghantar buku nota dan buku DSKP apabila siap dibuat untuk disemak dan diperiksa. Murid membuat refleksi sendiri P&P dan mengetahui tajuk pembelajaran pada P&P yang akan datang. 							
BBM	/	Buku Teks	/	Buku DSKP	/	Buku Nota		Lembaran Aktiviti
	/	Kad Gambar		Kad Perkataan	/	Kad Trafik		Laptop/Projektor
	/	Poster Sistem Suria, biji sagu, guli, bola sepak, surat khabar, pita pelekat, model Sistem Suria						
NILAI MURNI	/	Minat		Berani mencuba		Berkerjasama	/	Berfikir rasional
	/	Bertanggungjawab	/	Jujur dan tepat	/	Sistematik	/	Ikut langkah
GABUNG JALIN ILMU	/	Bahasa		Moral/Islam		Muzik		PJ/PIK
		Matematik		Sejarah	/	Seni Visual	/	TMK/RBT
EMK	/	Kreativiti & Inovasi		Keusahawanan		TMK		KBAT
		Sains & Teknologi	/	Bahasa		U. Alam Sekitar		Sivik & Patriotisme
PETA I-THINK	/	Bulatan		Buih		Buih Berganda		Titi
		Pokok		Dakap		Alir		Pelbagai Alir
PENILAIAN & PENTAKSIRAN		Lembaran kerja	/	Hasil kerja	/	Simulasi Model		Pembentangan
		Kuiz		Tugasan Projek		Lisan		Nyanyian
REFLEKSI	___ / ___ orang murid dapat menguasai objektif pembelajaran. ___ orang murid tidak dapat menguasai objektif pembelajaran dan telah diberi bimbingan susulan dan pemulihan pada _____ Aktiviti P&P dibawa ke _____							

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH) SAINS TAHUN 4 (KSSR)

MINGGU					
TARIKH				HARI	
SUBJEK	Sains				MASA
KELAS	Tahun 4				KEHADIRAN
UNIT	9.0 Sistem Suria				TEMA Bumi dan Sains Angkasa
S/KANDUNGAN	9.2 Saiz dan jarak relatif antara Bumi, Bulan dan Matahari.				
S/PEMBELAJARAN	9.2.4 Menganggar jarak relatif Bumi ke Matahari berbanding jarak Bumi ke Bulan. 9.2.5 Meramalkan keadaan di Bumi jika jaraknya lebih dekat dengan Matahari. 9.2.6 Meramalkan keadaan di Bumi jika jaraknya lebih jauh dengan Matahari.				
TAJUK	Jarak Relatif (BT ms 159-161)				
OBJEKTIF P&P (KRITERIA KEJAYAAN)	<p>Pada akhir P&P, murid-murid akan dapat:</p> <p>(i) Menganggar jarak relatif Bumi, Bulan dan Matahari dengan simulasi. (TP 3)</p> <p>(ii) Membuat andaian keadaan di Bumi jika jarak lebih dekat atau jauh daripada Matahari. (TP 4)</p> <p>(iii) Merumuskan dan memberi sebab keadaan di Bumi jika jarak lebih dekat atau jauh daripada Matahari. (TP 5)</p> <p>(iv) Membuat gambaran mental kesan daripada diri sendiri dan cara mengatasi jika berlaku perubahan jarak di antara Bumi dan Matahari. (TP 6)</p>				
KPS	/ Memerhati	/ Mengelas	/ Menggunakan no.	/ Membuat inferens	
	/ Meramal	/ Berkomunikasi	/ Ruang dan masa	/ Mentafsir data	
	Mendefinisi	Mengawal P/Ubah	Buat hipotesis	Mengeksperimen	
KMS	/ Tidak berkenaan	Membersihkan peralatan Sains			
	Menggunakan peralatan dan bahan Sains	Mengendalikan spesimen			
	Menyimpan peralatan dan bahan Sains	Melakar spesimen, peralatan & bahan Sains			
AKTIVITI P&P	<ol style="list-style-type: none"> Murid memerhatikan satu siri komik. Murid berfikir mengapakah saiz Matahari kelihatan sama dengan saiz Bulan yang kita lihat pada waktu malam. Murid mengetahui tajuk dan objektif P&P. Murid mengetahui bahawa saiz Matahari lebih besar daripada Bulan. Oleh sebab Matahari sangat jauh dari Bumi, maka saiz Matahari kelihatan sama dengan Bulan. Murid mempelajari bahawa anggaran jarak dari Bumi ke Matahari ialah 400 kali jarak Bumi ke Bulan. Murid memerhati sebalang air didih yang disediakan. Murid diminta meletakkan tapak tangan mereka pada permukaan balang, mendekati balang dan menjauhi balang. Murid menyatakan perasaan mereka. Daripada simulasi, murid menyedari bahawa balang air didih ialah Matahari dan tapak tangan ialah Bumi. Sekiranya Bumi berada di kedudukan lebih dekat dengan Matahari, suhu Bumi akan meningkat dan keadaan akan menjadi panas. Sekiranya Bumi berada di kedudukan lebih jauh dengan Matahari, suhu Bumi akan menurun dan keadaan akan menjadi sejuk. Murid menunjukkan rasa bersyukur kerana Bumi berada pada jarak yang paling sesuai dalam Sistem Suria dan mampu menampung kehidupan. Murid membuat catatan pada buku nota dalam peta alir. Murid mendapatkan buku DSKP dan menyiapkan latihan mengenai jarak relatif. Murid menghantar buku nota dan buku DSKP apabila siap dibuat untuk disemak dan diperiksa. Murid membuat refleksi sendiri P&P dan mengetahui tajuk pembelajaran pada P&P yang akan datang. 				
BBM	/ Buku Teks	/ Buku DSKP	/ Buku Nota	Lembaran Aktiviti	
	Kad Gambar	Kad Perkataan	/ Kad Trafik	Laptop/Projektor	
	/ Komik, balang air didih				
NILAI MURNI	/ Minat	/ Berani mencuba	Berkerjasama	/ Berfikir rasional	
	/ Bertanggungjawab	/ Bersyukur	/ Sistematik	/ Ikut langkah	
GABUNG JALIN ILMU	/ Bahasa	Moral/Islam	Muzik	PJ/PK	
	Matematik	Sejarah	/ Seni Visual	TMK/RBT	
EMK	/ Kreativiti & Inovasi	Keusahawanan	TMK	KBAT	
	Sains & Teknologi	/ Bahasa	U. Alam Sekitar	Sivik & Patriotisme	
PETA I-THINK	Bulatan	Buih	Buih Berganda	Titi	
	Pokok	Dakap	/ Alir	Pelbagai Alir	
PENILAIAN & PENTAKSIRAN	Lembaran kerja	/ Hasil kerja	Pemerhatian	Pembentangan	
	Kuiz	Tugasan Projek	/ Simulasi	Nyanyian	
REFLEKSI	<p>___ / ___ orang murid dapat menguasai objektif pembelajaran.</p> <p>___ orang murid tidak dapat menguasai objektif pembelajaran dan telah diberi bimbingan susulan dan pemulihan pada _____</p> <p>Aktiviti P&P dibawa ke _____</p>				